

MANUSIA DAN PERKEMBANGAN PERADABAN: BEBERAPA ASPEK PEMIKIRAN MALEK BENNABI DAN ALI SYARIATI

Norazlan Hadi Yaacob¹, Aiza Maslan @ Baharudin²

¹Jabatan Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

²Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Emel: norazlan@gmail.com, aizamaslan@usm.my

ABSTRAK

Manusia sebagai makhluk yang dijadikan oleh Allah s.w.t. dengan sebaik-baik kejadian diberikan tugas dan amanah yang sangat besar, iaitu untuk mentadbir, memakmur dan membangun peradaban. Berbekalkan kejadian penciptaan manusia yang terdiri daripada unsur jasmani dan rohani dengan kelebihan akal dan kudrat, manusia berkemampuan merubah dan mencorak masa depan peradaban mereka sendiri. Persoalan tentang pembinaan dan perkembangan peradaban telah pun dibincangkan oleh beberapa orang tokoh sarjana dan pemikir tersohor di Timur dan di Barat dengan menjadikan manusia sebagai fokus utama perbincangan. Cetusan minda sarjana dan pemikir silam wajar direnungi dan dimanfaatkan oleh generasi hari ini untuk membangunkan kembali kegemilangan peradaban manusia. Pembinaan peradaban harus bercirikan keseimbangan antara kemajuan material dengan ketinggian akhlak yang berpaksikan tauhid. Kajian ini bertujuan menganalisis dan membahaskan beberapa aspek pemikiran dua orang tokoh pemikir Muslim yang berkaitan dengan manusia dan perkembangan peradaban, iaitu Malek Bennabi dan Ali Syariati.

KATA KUNCI: *manusia, peradaban, pemikiran, Malek Bennabi, Ali Syariati*

ABSTRACT

Mankind as the best of all creation of the Almighty is entrusted with the trust and responsibility to administer, manifest and develop human civilisation. Based on human creation of both physical and spiritual elements, with the advantages of mind and strength, man has the ability to change and create their own civilisation. The question of building and expansion of

civilisation had been discussed by several contemporary scholars and thinkers in both western and eastern world by having mankind as the focus of the discussion. The scholastic view of past scholars and thinkers ought to be pondered and benefited by today's generation in order to revive the golden age of human civilisation. Developed civilisations must be built on the balance between material advancement and ethical dignity based on tawheed. This study is meant to analyse and debate several aspects of ideas of the two Muslim in terms of man and civilisation, Malek Bennabi and Ali Shariati.

1.0 PENDAHULUAN

Fenomena pembinaan dan kejatuhan peradaban manusia sering menjadi pokok perbincangan para sarjana dan pemikir di Timur dan Barat sejak dari abad ke-14. Pengkajian tentang jatuh bangunnya peradaban manusia telah dilakukan oleh beberapa orang tokoh pengkaji dari Timur dan Barat dengan masing-masing mengetengahkan pendekatan mereka yang tersendiri. Hasil kajian dan penyelidikan yang dilakukan memungkinkan mereka menghasilkan karya dalam bentuk buku dan makalah yang menjadi rujukan para pengkaji sehingga ke hari ini.

Kebanyakan sarjana dan pemikir bersependapat meletakkan faktor manusia sebagai unsur terpenting yang memastikan kelangsungan sesebuah peradaban. Manusia sebagai makhluk sosial sepertimana yang diistilahkan oleh Ibn Khaldun, pengasas teori *'umran* merupakan pelaku utama yang berperanan membentuk dan mencorak peradaban. Sebagai makhluk sosial, manusia tidak boleh hidup secara bersendirian, tetapi memerlukan individu lain untuk dilahirkan, diasuh, dididik dan dibesarkan. Manusia juga memerlukan komuniti untuk membangunkan institusi sosial bagi tujuan memajukan diri. Interaksi dan kerjasama inilah yang akhirnya melahirkan sesebuah peradaban manusia.

Peranan agama dalam memantapkan sesebuah peradaban merupakan satu lagi agenda utama perbincangan para sarjana dan tokoh pemikir yang mengkaji tentang peradaban manusia. Selepas berakhirnya era kegemilangan peradaban Islam, masyarakat dunia menyaksikan kebangkitan blok Barat menerajui dunia dengan segala bentuk kekuatan yang dimiliki oleh mereka. Penjajahan minda melalui proses globalisasi yang dicanang oleh Barat sebagai satu bentuk kebebasan sebenarnya secara diam telah menghakis nilai keagamaan dan adat ketimuran. Proses globalisasi yang melanda seluruh dunia pada hari ini telah mewujudkan krisis dan kemelut peradaban era moden dan pasca moden.

Bagi membangunkan kembali peradaban Melayu keseimbangan antara kemajuan material dan pengukuhan pegangan agama berasaskan tauhid perlu dibentuk. Penghayatan terhadap agama menjamin kelangsungan hayat sesebuah peradaban untuk berdiri kukuh dalam jangka waktu yang lama. Selain merupakan penggerak yang amat efektif ke arah mewujudkan rasa kesamaan, keharmonian pergaulan, hormat-menghormati serta tolong-menolong sesama manusia, agama bertindak memandu manusia ke arah kesatuan jiwa dan kekuatan, terutamanya pada tahap permulaan pembentukan sesebuah peradaban. Dalam proses memantapkan dan menstabilkan peradaban, agama harus dikembangkan sehingga terbentuknya satu penghayatan yang mantap bagi rakyat keseluruhannya.

Dalam usaha untuk mengembalikan kecemerlangan peradaban Melayu, gagasan dan pemikiran dua orang tokoh, iaitu Malek Bennabi dan Ali Syariati wajar diteliti memandangkan kedua-dua tokoh berkenaan mengemukakan pandangan mereka yang tersendiri tentang pembentukan peribadi manusia dan kaitannya dengan perkembangan peradaban. Pelbagai masalah berkaitan manusia dan peradaban turut dianalisis oleh kedua-dua tokoh berkenaan.

1.1 Definisi Istilah

Manusia

Menurut Kamus Dewan (1998) manusia diertikan sebagai makhluk yang mempunyai akal budi. Di dalam al-Quran, terdapat beberapa istilah yang merujuk kepada manusia, iaitu *al-insan*, *al-basyar* dan *al-nas*. Al-Quran menjelaskan bahawa kejadian manusia adalah sebaik-baik kejadian yang diciptakan oleh Allah s.w.t. daripada dua unsur, iaitu jasmani dan rohani. Keindahan manusia dalam bentuk lahiriah belum menepati tahap kesempurnaan dan keindahan yang sebenar tanpa disusuli dengan keindahan rohani. Menurut Haron Din *et.al* (1985) manusia merupakan makhluk Allah s.w.t yang istimewa yang dianugerahkan sifat-sifat khusus bagi melayakkannya menanggung amanah Allah s.w.t yang tidak bertanggung oleh makhluk lain. Manusia dipertanggungjawabkan dengan fungsi dan tugas sebagai khalifah Allah s.w.t. untuk memakmurkan muka muka dengan segala isinya.

Ibn Khaldun, seorang pemikir ulung yang kajian secara saintifik dan perbandingan tentang peradaban manusia mengutarakan pandangan bahawa manusia merupakan makhluk sosial. Sebagai makhluk sosial salah satu keperluan adalah bekerjasama dan saling membantu sesama mereka. Asas kepada kemajuan kehidupan manusia ialah

asabiyah, iaitu semangat kekitaan dan bekerjasama. Dengan wujudnya asabiyah, manusia berkemampuan untuk menubuhkan kerajaan, memperkembang ekonomi, kesenian, sains dan teknologi yang membawa kemajuan dalam kehidupan (Wan Hashim Wan Teh, 1997).

Peradaban

Menurut Mahadi Abu Hassan & Khadijah Mohd Khambali (2013) pengertian peradaban sering kali disamakan dengan pengertian tamadun yang merujuk kepada pencapaian dan kemajuan sesebuah bangsa dan masyarakat meliputi aspek rohani dan jasmani. Antara sarjana Muslim terawal yang mengutarakan konsep peradaban atau tamadun ini ialah Abu Nasir al-Farabi melalui kitabnya *al-Siyasah al-Madaniyyah* yang memperkenalkan istilah *al-Madaniyyah* pada abad kesebelas Masihi. Istilah tersebut kemudiannya dipopularkan oleh sarjana Arab seperti Muhammad Farid Wajdi dan Syeikh Muhammad Abduh (M.A.J. Beg, 1980).

Istilah tamadun yang berasal daripada perkataan Arab, *tamaddun* dan telah lama diterima pakai dalam perbendaharaan bahasa Melayu sebenarnya dipopularkan oleh Jurji Zaydan pada abad ke-19 Masihi. Menurut Naquib al-Attas (1992), istilah *tamaddun* memberikan pengertian kehidupan insan bermasyarakat telah mencapai tahap kehalusan tata susila dan kebudayaan yang luhur. Terminologi lain yang juga merujuk kepada pengertian peradaban ialah *'umran* dan *al-hadharah* yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun pada abad ke-14 Masihi. Kesemua istilah yang dibincangkan merujuk kepada satu tujuan yang sama, iaitu pembangunan kota, kehalusan tata susila dan kebudayaan dan kehidupan berteraskan akidah, syariah dan akhlak yang mulia.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat bagi mencapai objektif berikut:

- 1) mengkaji pemikiran Malek Bennabi dan Ali Syariati tentang konsep manusia. 2) menganalisis peranan manusia dalam menjamin kelangsungan peradaban.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Sorotan literatur dilakukan dengan merujuk kepada beberapa karya Malek Bennabi antaranya *On The Origins of Human Society*. Dalam karya tersebut Malek Bennabi antara lain menekankan tentang fungsi agama dalam kehidupan dan kewujudan manusia. Agama berperanan memandu pemikiran dan peradaban manusia. Pandangan tersebut

turut diketengahkan oleh Moh Nurhakim dalam tulisan beliau, “Malik Bennabi dan Strategi Pembangunan Peradaban Alternatif bagi Dunia Ketiga” yang menegaskan bahwa agama menjadi prasyarat perkembangan sesebuah peradaban. Menurut Bennabi, agama Islam merupakan elemen terpenting yang memainkan peranan aktif dalam suatu sistem sosial yang kompleks. Agama Islam bukan hanya memberikan inspirasi dan motivasi sebaliknya turut berfungsi sebagai pengimbang kepada umat Islam.

Kajian turut dilakukan dengan merujuk kepada beberapa hasil kajian pemikir luar negara seperti Fawzia Bariun. Dalam tesis Doktor Falsafah bertajuk *Malik Bennabi's Life and Theory of Civilization*, Fawzia mengetengahkan bahawa peradaban merupakan tema utama perbincangan dalam semua tulisan Bennabi. Walau pun Bennabi mendapat pendidikan di Barat sejak berusia awal dua puluhan dan terdedah kepada peradaban Barat, kecintaannya kepada sejarah dan budayanya sendiri tidak pernah terpadam. Dengan membandingkan kemajuan yang dikecapi oleh Barat dengan kemunduran masyarakat Muslim, Bennabi menegaskan bahawa masalah utama kemunduran tersebut berpunca daripada masalah peradaban itu sendiri. Teori peradaban yang diketengahkan oleh Bennabi menekankan bahawa manusia merupakan elemen terpenting yang membentuk dan mengembangkan sesebuah peradaban. Kekayaan manusia tidak diukur melalui produk yang dihasilkan, sebaliknya diukur melalui idea original mereka. Bennabi turut membincangkan persoalan integrasi antara manusia dengan budaya serta peranan manusia merubah dan membangunkan lapangan sosial, politik dan ekonomi jauh lebih awal sebelum organisasi antarabangsa mengetengahkan idea berkenaan.

Pengkaji turut merujuk karya Ali al-Quraisyiy, *Malik bin Nabi* dan Pergolakan Sosial yang menjelaskan bahawa Malek Bennabi telah mengemukakan sejumlah gagasan, pandangan serta idea yang tersendiri khususnya tentang usaha pembentukan semula peribadi individu dan masyarakat. Beliau disifatkan sebagai seorang pemikir yang paling menonjol dalam memberikan perhatian terhadap masalah masyarakat Muslim berbanding pemikir Muslim lain yang sezaman dengannya. Beliau turut menganalisis pelbagai masalah masyarakat dengan mengemukakan sistem pendekatannya yang tersendiri untuk mencetuskan kebangkitan dan kegemilangan peradaban manusia. Gagasan beliau tentang kemasyarakatan banyak dipengaruhi oleh suasana masyarakatnya yang masih kuat berpegang kepada ajaran agama, pendidikan yang diterimanya, penjajahan dan tekanan yang dikenakan terhadap masyarakatnya dan pengalamannya berkelana di Peranchis.

Sorotan literatur turut merujuk kepada tulisan Ali Rahnama bertajuk *Ali Syariati: Teacher, Preacher, Rebel* yang mengulas bahawa golongan ilmuwan pada zaman Ali Syariati mengaitkan Islam dengan kepercayaan tahyul dan status quo. Kesemua dakwaan tersebut ditangkis oleh Ali Syariati dengan membuktikan bahawa Islam bersifat progresif dan prihatin terhadap isu kebebasan, kesamaan, kerohanian, menentang eksploitasi ekonomi dan kekerasan politik. Tulisan ini turut mengetengahkan tentang konsep intelektual yang sebenar.

Tulisan Abdul Aziz, *Ali Shariati: Ideologue of The Iranian Revolution* pula mengupas tentang konsep manusia, tauhid, kriteria sarjana Muslim dan pertentangan kelas dalam masyarakat seperti mana yang diketengahkan oleh Ali Syariati. Jalaluddin Rahmat dalam tulisannya Panggilan *Untuk UlilAlbab* menjelaskan bahawa Ali Syariati menyifatkan Islam sebagai ideologi manusia yang tidak terbatas kepada ruang dan masa, sebaliknya Islam seumpama arus yang mengalir sepanjang perjalanan sejarah. Jalaluddin turut mengupas konsep *Rausyanfikir* yang diperkenalkan oleh Ali Syariati sebagai pelanjut perjuangan Habil.

Pengkaji turut menyorot artikel Sibram Malisi bertajuk *Konsep Sosiologi Islam Ali Syariati* yang mengupas beberapa isu penting yang menjadi tumpuan Ali Shariati antaranya peristiwa Qabil dan Habil, konsep hijrah, konsep ummah dan konsep imamah. Menurut Sibram, salah satu kelebihan *Ali Shariati* adalah menggunakan al-Quran dalam menganalisis dan mengkaji ilmu berkaitan kemanusiaan dan kemasyarakatan.

Kajian literatur turut dilakukan dengan meneliti kajian yang dilakukan oleh tokoh pemikir tempatan. Melalui tulisan bertajuk "Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu", Wan Hashim Wan Teh cuba menggarap idea tentang pembinaan semula peradaban baru abad kedua puluh satu dengan menyorot kembali pandangan tokoh pemikir lampau antaranya Ibn Khaldun, Arnold Toynbee, Malek Bennabi dan Ali Syariati. Beliau mengemukakan saranan bahawa model sebuah peradaban baru boleh dirangka dengan mengimbas kembali pengalaman pembinaan dan kejatuhan peradaban dalam sejarah kehidupan manusia.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian penyelidikan adalah berdasarkan metode kualitatif dan analisis deskriptif. Sumber bagi data kualitatif dilakukan melalui kajian kepustakaan yang melibatkan penulisan buku dan jurnal.

4.0 PERBINCANGAN

Kajian ini memberikan tumpuan terhadap pemikiran dua orang tokoh peradaban Islam, iaitu Malek Bennabi dan Ali Syariati. Bennabi merupakan seorang pemikir Muslim dari Algeria yang agak menonjol dalam membahaskan isu peradaban manusia berbanding tokoh lain yang hidup sezaman dengan beliau. Mana kala kupasan Ali Syariati, seorang sarjana sosiologi dari Iran tentang perkembangan peradaban manusia pula disifatkan sebagai jauh terkehadapan dengan mengutarakan pandangan tentang masa depan peradaban. Pendekatan dan gagasan yang diketengahkan oleh beliau berjaya menyedar dan menggerak masyarakatnya untuk bangkit dan bertindak menghadapi kemelut sosial yang dihadapi.

4.1 Malek Bennabi

Dalam memahami perkembangan peradaban manusia, Malik Bennabi banyak dipengaruhi oleh teori *'umran* Ibn Khaldun tetapi beliau kemudiannya membangunkan pendekatannya yang tersendiri. Menurut Moh. Nurhakim (2008) antara pokok pemikiran Bennabi yang utama ialah tuntutan membangunkan kesedaran peradaban Islam sebagai satu strategi kebangkitan umat. Pemikiran Bennabi terbina hasil pemerhatian mendalam terhadap dua buah peradaban yang cukup berbeza, iaitu dunia Islam dengan pelbagai kelemahan yang membelenggu umatnya sehingga memungkinkan mereka dijajah dan terkebelakang dan dunia Barat yang menguasai sains dan teknologi sehingga membolehkan mereka menjajah orang lain. Walau bagaimanapun, kekaguman beliau terhadap peradaban Barat tidak mendorong beliau memihak kepada Barat, sebaliknya membantu beliau membentuk paradigma berfikir. Menurut Bennabi, kemunduran umat Islam berkait rapat dengan kesedaran manusia itu sendiri.

Bennabi menolak pandangan bahawa kemunduran umat Islam adalah disebabkan oleh agama Islam, sebaliknya menurut beliau kemunduran tersebut dinisbahkan kepada penganutnya. Penulisan beliau menekankan bahawa Islam mendorong penggunaan akal dan penelitian yang telah terbukti dalam sejarah peradaban manusia berhasil meggerakkan penganutnya membina sebuah peradaban agung. Eropah menerima tempias daripada kegemilangan Islam tersebut sehingga membolehkan mereka menghasilkan kemajuan dalam kehidupan masyarakat Eropah (Moh. Nurhakim, 2008). Bennabi turut menjelaskan bahawa gagasan pertama peradaban manusia ditunjangi oleh kemunculan pemikiran keagamaan dan kejatuhannya didokong oleh kerendahan nilai keagamaan dan moral sebagai akibat

daripada kehilangan roh dan akal dalam diri manusia (Malek Bennabi, 1994).

Menurut Bennabi (1994) masalah bagi setiap bangsa adalah masalah peradaban. Dalam mengkaji perkembangan peradaban Islam, Bennabi menyifatkannya sebagai satu bentuk interaksi organik yang menghubungkan pemikiran dengan pendokongnya, iaitu manusia. Oleh yang demikian, kesemua nilai yang menjadi ciri sesebuah peradaban pada suatu masa tertentu adalah merupakan penjelmaan sejarah terhadap interaksi organik antara pemikiran tertentu, umpamanya Islam dengan individu tertentu yang boleh dinisbahkan kepadanya, iaitu manusia Muslim.

Menurut Wan Hashim Wan Teh (1997) bagi tujuan mencapai kemajuan dan membangun peradaban, Bennabi mementingkan gabungan tiga unsur dalam kehidupan, iaitu manusia sebagai makhluk sosial, benda (alam serta barang yang dicipta) dan idea. Peradaban manusia tidak dapat berdiri kukuh hanya bersandarkan kepada kekayaan material atau kebendaan tetapi ketandusan idea. Faktor manusia juga merupakan unsur penting dalam pembinaan dan perkembangan sesebuah peradaban. Walau bagaimanapun tiga perkara asas tersebut tidak mampu untuk membina peradaban dengan sendiri tetapi perlu didokong oleh unsur lain, iaitu kepercayaan atau nilai keagamaan. Bennabi berpandangan bahawa nilai keagamaan amat penting dalam proses perkembangan sesebuah peradaban (Malek Bennabi, 1994).

Pandangan Bennabi ini dilihat bertepatan dengan pandangan yang dikemukakan oleh para pengkaji kontemporari. Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin et. all (2007) umpamanya menggarap bahawa konsep insan sebagai khalifah meletakkan manusia sebagai pemimpin dan diamanahkan untuk mentadbir dan memakmurkan bumi Allah s.w.t. Amanah yang besar ini perlu dilengkapi dengan pakej yang menyeluruh merangkumi ilmu, kemahiran dan pengalaman ditunjangi oleh agama sebagai paksi. Perkembangan peradaban tidak hanya terbatas kepada pembinaan aspek fizikal dan material tetapi turut melibatkan proses pembangunan manusia secara menyeluruh secara berterusan sepanjang tempoh kehidupan. Sumbangan manusia diukur bukan hanya terhadap keupayaannya mengatur sistem kehidupan secara individu tetapi juga terhadap keupayaan manusia memberikan manfaat dan kesejahteraan kepada masyarakatnya.

Bennabi (1998) turut merumuskan bahawa jaringan sosial amat penting dalam menentukan jatuh bangunnya peradaban manusia. Penyakit sosial yang menyerap ke dalam jasad sesebuah masyarakat akan memecah dan menarik rangkaian sosial tersebut, sekali gus

mengakibatkan proses kehancuran masyarakat berlaku secara beransur-ansur. Hubungan sosial menjadi rosak apabila perasaan sombong, takbur, keinginan memuaskan nafsu dan sikap individualisme menenggelamkan nilai diri manusia. Kepincangan sosial dalam masyarakat secara tidak langsung akan memberi kesan kepada unsur idea.

Pandangan Bennabi yang berilhamkan teori kitaran Ibn Khaldun merumuskan bahawa peradaban manusia sentiasa melalui tahap pertumbuhan, iaitu tahap pimpinan roh yang merupakan tahap kebangkitan, tahap pimpinan akal yang merupakan tahap kemuncak dan tahap pimpinan naluri yang merupakan tahap kehancuran (Ali al-Quraisyiy, 1996; Fawzia Bariun, 1988). Ali al-Quraisyiy (1996) mengutip pandangan Bennabi yang menyifatkan tahap pimpinan roh dalam masyarakat Islam bermula sebaik sahaja agama Islam diwahyukan. Dalam periode tersebut pemikiran dan tindakan masyarakat banyak dipengaruhi oleh unsur kerohanian yang mendorong manusia untuk membentuk peradaban.


Setelah melalui periode pimpinan roh, Bennabi menegaskan bahawa kehidupan masyarakat semakin maju. Urusan kehidupan manusia menjadi semakin rumit dan kompleks menyebabkan timbulnya masalah baru. Dalam periode tersebut manusia berkecenderungan menggunakan akal, sekali gus menyebabkan roh mula kehilangan fungsinya ke atas diri manusia secara beransur-ansur. Bennabi menggambarkan bahawa dalam periode tersebut manusia sudah mula hilang minat terhadap pemikiran keagamaan dan pengaruh agama terhadap kehidupan manusia semakin terhakis. Keadaan tersebut mendorong timbulnya penyakit sosial dalam masyarakat manusia. Masyarakat manusia pada periode tersebut mula menggugurkan nilai murni yang menjadi pegangan umat sebelumnya dan mereka mulai terpisah daripada pimpinan roh. Pemujaan yang terlampau terhadap akal merupakan gejala awal yang mendorong kepada kemerosotan peradaban manusia (Ali al-Quraisyiy, 1996).

Tahap pimpinan naluri pula adalah tahap kelemahan yang didorong oleh gejala rasuah yang berleluasa sebagai akibat daripada kehendak naluri manusia yang tidak terkawal. Apabila manusia membebaskan diri daripada pimpinan roh dan akal juga kehilangan peranannya, tabiat naluri mula menguasai individu dan masyarakat. Pada periode tersebut peradaban manusia terlepas dari sebarang pengaruh pemikiran keagamaan, sekali gus mempercepat proses keruntuhan sesebuah peradaban (Ali al-Quraisyiy, 1996).

Bennabi (1994) turut merumuskan perkembangan masyarakat manusia seumpama organisme hidup yang melalui tiga fasa perkembangan, iaitu masyarakat pra-peradaban, masyarakat peradaban dan masyarakat pasca peradaban. Masyarakat pra peradaban merujuk kepada masyarakat primitif yang masih berada pada tahap benda (things age). Masyarakat pra peradaban dalam konteks peradaban Islam adalah masyarakat jahiliyyah yang masih dibatasi oleh sistem kabilah dan menyanjungi syair indah berkenaan kabilah mereka.

Tahap seterusnya adalah masyarakat berperadaban, iaitu masyarakat yang menuju kepada tahap pemikiran. Pada peringkat tersebut agama memainkan peranan penting dalam membentuk jaringan hubungan sosial, politik, ekonomi dan sebagainya. Dalam konteks peradaban Islam, wahyu menandakan pemikiran baru dalam masyarakat, sekali gus mewujudkan konsep baru melalui persaudaraan yang ditunjukkan oleh golongan Muhajirin dan Ansar. Tahap pasca peradaban yang merupakan tahap terakhir perkembangan masyarakat manusia adalah tahap masyarakat kehilangan pemikiran aslinya. Manusia mula bersifat individualistik dan meninggalkan konsep persaudaraan yang ditunjukkan oleh golongan Muhajirin dan Ansar. Dalam periode tersebut fahaman kebendaan cukup berleluasa mengatasi batas kesedaran akal dan kemanusiaan. Kemewahan masyarakat melampaui batas mengakibatkan akhlak manusia menjadi rosak. Pada peringkat tersebut, masyarakat manusia mula menuju kejatuhan kerana semua faktor yang mendorong kepada perkembangan peradaban telah musnah (Malek Bennabi, 1994).

Rajah 1: Masyarakat Pra-Peradaban, Peradaban dan Pasca Peradaban



Sumber: Malek Bennabi. (1994). *Membangun Dunia Baru Islam*. Bandung: Mizan, Bandung

4.2 Ali Syariati

Menurut Wan Hashim Wan Teh (1997), dua perkara yang diberikan penekanan oleh Ali Syariati berkaitan dengan peranan manusia dalam

membina peradaban ialah pertama, fenomena hijrah atau migrasi sebagai faktor utama yang mendorong perkembangan peradaban manusia. Kedua, peranan manusia atau *al-nas* dalam mencipta kemajuan. Teori pembinaan peradaban dan kemajuan yang diketengahkan oleh beliau berilhamkan al-Quran dan sejarah Islam. Hasil penelitian yang dilakukan oleh Ali Syariati terhadap 27 buah peradaban manusia membolehkan beliau membuat kesimpulan bahawa tiada peradaban yang tumbuh dan berkembang dalam kalangan masyarakat primitif yang tidak pernah berhijrah dari tempat asal ke tempat baru.

Abbas Navabi (1998) mengupas bahawa penghijrahan yang dimaksudkan oleh Ali Syariati sebagai pencetus kebangkitan masyarakat dan peradaban terdapat dalam dua bentuk. Yang pertama ialah penghijrahan sekumpulan manusia dari tempat asal ke penempatan yang baru. Bentuk kedua ialah penghijrahan individu yang cemerlang dan berpotensi meninggalkan masyarakat bagi satu tempoh tertentu. Penghijrahan tersebut memungkinkan mereka membentuk dan membangun idea dan pemikiran baru. Ali Syariati menegaskan bahawa manusia yang mencipta dan membangunkan sejarah dan kebudayaan di Timur dan di Barat merupakan golongan penghijrah. Sibram Malisi (2003) mengulas bahawa konsep hijrah yang diketengahkan oleh Ali Shariati berdasarkan perbincangan al-Quran mengandungi prinsip falsafah sejarah dan falsafah sosial yang sangat mendalam.

Pemikiran Ali Syariati berhubung perkembangan peradaban dan kemajuan manusia turut menekankan peri pentingnya peranan manusia atau *al-nas*. Berdasarkan ayat-ayat al-Quran, seruan Allah s.w.t. terhadap manusia seperti, "Wahai manusia.." dan "Wahai orang-orang yang beriman" memberikan konotasi bahawa manusia dengan akal dan kudrat yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. bertanggungjawab menentukan kemajuan mereka sendiri dengan berusaha mencorak masa depan mereka sendiri (Wan Hashim Wan Teh, 1997).

Menurut Lesmadona Ferutama (2008) berdasarkan konsep penciptaan manusia menurut al-Quran yang berasaskan roh dan tanah, Ali Syariati merumuskan bahawa unsur roh mengajak manusia menuju puncak spiritual tertinggi, mana kala unsur tanah meletakkan manusia pada tahap rendah dan hina. Manusia sebagai makhluk yang mempunyai pelbagai potensi, iaitu kebebasan, intelektual dan spiritual berkemampuan menentukan kedudukannya sendiri sama ada berada pada tahap kemuliaan atau kehinaan. Kecenderungan manusia terhadap unsur tanah meletakkan manusia sebagai *basyar*, iaitu manusia sebagai makhluk biasa. Sedangkan kecenderungan

terhadap unsur roh ketuhanan mengangkat martabat manusia menjadi insan. Hanya manusia yang bergelar insan berupaya menyesuaikan diri dengan tiga sifat ilahiyyah (ketuhanan), iaitu kesedaran diri yang memberi ruang kepadanya untuk memilih, kebebasan berkehendak dan yang terakhir kreativiti mencipta barang. Kemampuan manusia mengembangkan ketiga-tiga sifat tersebut melayakkannya menjadi khalifah Allah di atas muka bumi.

Satu lagi idea besar yang diketengahkan oleh Ali Syariati ialah pandangan hidup tauhid dan peranannya dalam perkembangan dan pembangunan masyarakat dan peradaban. Beliau menyimpulkan bahawa pembangunan masyarakat dan pembinaan sebuah peradaban yang unggul menuntut penyerapan konsep tauhid ke dalam setiap aktiviti dan kehidupan seharian masyarakat Islam (Ali Syariati, 1979). Menurut Abdul Aziz (1983) Ali Syariati menekankan bahawa tauhid merupakan asas kehidupan individu dan masyarakat Muslim. Kejahilan, ketakutan dan ketamakan mengakibatkan kerosakan, kemusnahan dan keruntuhan moral manusia. Sebaliknya, tauhid memberikan kebebasan dan keselamatan kepada manusia.

Dalam membicarakan persoalan tentang sejarah umat manusia, Ali Syariati sering merujuk kepada peristiwa yang termaktub di dalam al-Quran. Beliau membezakan manusia kepada dua wajah yang saling bertentangan sejak bermulanya kejadian manusia, iaitu bentuk Qabil dan bentuk Habil. Qabil merupakan perlambangan syirik yang membawa kepada penindasan, penganiayaan dan kezaliman, manakala Habil merupakan perlambangan tauhid, iaitu cita-cita membina masyarakat yang diredhai oleh Allah s.w.t. yang memperjuangkan kesamaan darjat manusia, keadilan dan persaudaraan. Pertentangan antara kedua-duanya adalah sejarah yang dikisahkan di dalam al-Quran yang telah lama berlaku dan akan terus berlaku dalam realiti kehidupan masyarakat manusia (Ali Syariati, 2001). Ali Syariati menggunakan pendekatan sosiologi dalam menganalisis peristiwa sejarah seperti pengkisahan Qabil dan Habil sebagai panduan manusia pada masa hadapan.

Azyumardi Azra (1999) turut mengupas pandangan Ali Syariati yang menyifatkan bahawa pengulangan istilah an-nafs di dalam al-Quran menunjukkan bahawa manusia mempunyai kuasa autonomi untuk bertindak di atas muka bumi serta mampu melakukan perubahan dalam perkembangan sejarah. Justeru, dalam usaha merubah masyarakat manusia, Ali Syariati memberi penekanan terhadap peranan golongan cerdik pandai yang beliau istilahkan sebagai *Raushanfikir*. *Raushanfikir* merupakan istilah Parsi yang bermaksud 'pemikir yang mencerahkan'

atau dalam terjemahan bahasa Inggeris diistilahkan sebagai *intellectual*. Walau bagaimanapun, Jalaluddin Rahmat (1987) menyifatkan bahawa konsep *Raushanfikir* yang diketengahkan oleh Ali Syariati berbeza dengan ilmuan kerana menurutnya ilmuan menemukan kenyataan dan menampilkan fakta sebagaimana adanya tetapi *Raushanfikir* menemukan kebenaran dan memberikan penilaian sebagaimana harusnya. *Raushanfikir* adalah model manusia yang diilhamkan oleh Ali Syariati untuk memimpin masyarakat ke arah membina peradaban yang unggul.

Konsep *Raushanfikir* yang diketengahkan oleh Ali Syariati mempunyai persamaan dengan konsep *ulil albab* seperti yang terdapat di dalam al-Quran yang merujuk kepada 'orang yang mempunyai hikmah' (2:269), 'yang sanggup mengambil pelajaran dari sejarah umat dahulu' (12:111), 'berusaha menyampaikan peringatan Allah kepada masyarakat dan mengajari mereka prinsip tauhid' (14:52).

5.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini merincikan bahawa manusia memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan sesebuah peradaban. Peradaban pula hanya dapat berkembang dan mencapai kemuncak kecemerlangan dengan disokong oleh kekuatan pemikiran dan ditunjangi oleh penghayatan terhadap agama. Cabaran kontemporari umat Islam sebenarnya terletak pada masalah peradaban. Justeru, gagasan pemikiran dan idea Malek Bennabi dan Ali Syariati boleh dijadikan panduan bagi merekonstruksi semula peradaban Melayu dengan mengambil kira kejayaan dan kesilapan pada masa silam sebagai landasan. Kajian ini juga amat wajar direnungi dan dimanfaatkan agar dapat menimbulkan keyakinan dalam usaha untuk menjana wawasan sebuah peradaban yang kukuh serta mampu bertahan lama pada masa depan. Sumbangan kajian ini diharap dapat membantu memberikan idea serta model dalam usaha merancang strategi pertumbuhan negara yang lebih efektif dan menyelesaikan krisis sosial yang melanda masyarakat Malaysia pada masa kini.

RUJUKAN

- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1992). *Islam The Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- al-Quraisyiy, Ali. (1996). *Malik Bin Nabi Dan Pergolakan Sosial*. (terjemahan), Jilid 1 & 2. Kuala Lumpur: YADIM.
- Azyumardi Azra. (1999). "Akar-akar Ideologi Revolusi Islam Iran: Filsafat Pergerakan Ali Syariati". Dalam *Sorotan Cendekiawan Muslim Indonesia*. Jakarta: Lantera.
- Bariun, Fawzia. (1988). *Malik Bennabi's Life and Theory of Civilization*. Ph.D. Dissertation. The University of Michigan.
- _____. (1993). *Malek Bennabi: His Life and Theory of Civilisation*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Beg, M.A.G. (1980). *The Image of Islamic Civilization*, Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Bennabi, Malek. (1990). *Mudhakirrat Shaidan Lil Qarn*. Dasmascus: Darl al Fikr.
- _____. (1991). *Islam dalam Sejarah dan Masyarakat*. (terjemahan). Ismail Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (1994). "Unsur-Unsur Pembina Peradaban". (terjemahan) dari "Syuruth An Nahdah". Dalam *Membangun Dunia Baru Islam*. Bandung: Mizan.
- _____. (1994). "Problem Pemikiran Di Dunia Islam". (terjemahan) dari "Mushkillat al Afkar al Alam Islamy". Dalam *Membangun Dunia Baru Islam*. Bandung: Mizan.
- El-Messawi, Muhamad Tahir. (1998). *A Muslim Theory of Human Society*. Selangor: Thinker's Library.
- Ferutama, Lesmadona. (2008). *Konsep Manusia Dalam Perspektif Ali Syari'ati*. Tesis Sarjana Muda. Uin Syarif Hidayatullah. Jakarta.
- Jalaluddin Rahmat. (1987). "Panggilan Untuk Ulil Albab". Dalam Ahmad Shabery Cheek. *Warisan Shariati*. Kuala Lumpur: Iqraq.
- Mahadi Abu Hassan & Khadijah Mohd Khambali. (2013). "Pengislaman Sains dan Pengaruhnya dalam Peradaban: Respons Ilmuwan Muslim Terpilih". *Journal of Human Capital Development*. Vol.6. No. 1. Hlm. 133-150.
- Malisi, Sibram. (2003). "Konsep Sosiologi Islam Ali Syari'ati". *Himmah*. Vol. IV. No. 9. Hlm. 79-96.
- Moh. Nurhakim. (2008). "Malik Bennabi dan Strategi Pembangunan Peradaban Alternatif bagi Dunia Ketiga". *Journal of Al-Tamaddun*. Vol. 3. Hlm. 128-148.
- Navabi, Abbas. (1998). *Reform and Revolution in Shi'i Islam: The Thought of Ali Shariati*. PhD Dissertation. Indiana University.

- Norazlan Hadi Yaacob. (2006). *Malek Bennabi (1905-1973): Beberapa Aspek Pemikiran Peradaban Islam*. Tanjung Malim: Penerbit Malim Ilmu.
- Rahnema, Ali. (1995). "Ali Syariati: Teacher, Preacher, Rebel". Dalam Ali Syariati. (ed.). *Pioneers of Islamic Revival*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majid & Co.
- Sachedina, Abdul Aziz. (1983). "Ali Syariati: Ideologue of The Iranian Revolution". Dalam John L. Esposito. (ed.). *Voices of the Resurgence Islam*. New York: Oxford University Press.
- Syariati, Ali. (1979). *On The Sociology of Islam*. Berkeley: Mizan Press.
- _____. (2001). *Tugas Cendekiawan Muslim*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Wan Hashim Wan Teh. (1997). "Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu". Dalam Ismail Hussein *et.al.* *Tamadun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

